

11 JAN 2001

Kempen-Pengguna

KEMPEN DIDIK PENGGUNA "KEPENGUNAAN-KEMBALI KEPADA ASAS" DILANCAR

PETALING JAYA, 11 Jan (Bernama) -- Persekutuan Persatuan Pengguna-pengguna Malaysia (Fomca) hari ini melancarkan kempen dua bulan untuk menyemai kesedaran di kalangan orang ramai mengenai lapan hak pengguna, sempena Hari Pengguna Sedunia pada 15 Mac.

Presiden Fomca Prof Hamdan Adnan berkata pelbagai program seperti pertandingan menulis esei dan melukis akan bermula esok hingga 28 Feb dan konvensyen bertemakan Gandingan Pintar: Menentukan Perjuangan Bersama yang akan berlangsung selama dua hari mulai 13 Mac, diatur sempena kempen yang bertemakan Kepenggunaan-Kembali Kepada Asas itu.

Program lain ialah syarahan umum oleh bekas presiden persatuan pengguna Datuk Dr Anwar Fazal pada 15 Mac di Fakulti Undang-undang Universiti Malaya dan Malam Perdana yang akan diadakan pada keesokkannya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Hamdan berkata melalui kempen itu, Fomca berharap dapat memupuk kesedaran orang ramai mengenai lapan hak pengguna iaitu hak untuk mendapatkan keselamatan, maklumat serta keperluan dan perkhidmatan asas.

"Hak-hak lain ialah hak untuk menyuarakan pendapat, menampilkan diri, membuat pemilihan, mendapat pendidikan pengguna dan hak untuk mendapat persekitaran yang sihat," katanya pada sidang media selepas melancarkan kempen berkenaan di sini.

Selain itu, Hamdan berkata kempen itu juga diharap dapat mengutip sumbangan daripada individu dan syarikat untuk kegiatan Fomca pada masa depan melalui Malam Perdana. Mereka yang berminat boleh membeli meja untuk jamuan makan malam yang dijangka dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perdana Menteri juga dijangka akan menyampaikan perutusan Perdana sempena Hari Pengguna Sedunia pada majlis itu," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Fomca Muhammad Sha'ani Abdullah berkata konvensyen yang akan diadakan itu bertujuan mewujudkan platform untuk semua pihak berkongsi perspektif, merangka jaringan atau hubungan dan mewujudkan kerjasama antara orang awam, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan sektor swasta.

Beliau berkata beberapa kertas kerja akan dibentangkan diikuti majlis soal-jawab dan forum serta bengkel yang akan disertai kira-kira 200 ahli akademik serantau dan kebangsaan dan aktivis pengguna tempatan.

"Pada konvensyen itu juga, Fomca berharap dapat mewujudkan beberapa panel perunding industri dalam bidang kesihatan dan farmasi, insurans, perbankan, tenaga, komunikasi, penswastaan, utiliti dan perkhidmatan awam," katanya.

Muhammad Sha'ani berkata panel itu akan menjadi sebahagian daripada Fomca dalam usaha mewujudkan satu kepenggunaan yang bertanggungjawab dalam membina perkongsian pintar antara peniaga dan industri.

-- BERNAMA
ZAI AHH LAT